

# PROGRAM LAMAN ROHANI PERINGKAT MTU/MPOU TAHUN 2018

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3120-program-laman-rohani-peringkat-mtu-mpou-tahun-2018](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3120-program-laman-rohani-peringkat-mtu-mpou-tahun-2018)

KUALA LUMPUR, 2 Mac 18 – Cawangan Perkhidmatan – Sel Agama MTU telah menganjurkan program keagamaan iaitu Program Laman Rohani bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan hari ini. Ustaz Shofwan Badrie bin Ahmad Badrie telah dijemput menyampaikan ceramah kepada warga MTU/MPOU bertajuk “Meniti Usia”. Turut juga diadakan satu persembahan yang menarik dari Badan Kesenian Tentera Udara (BKTU) dengan kerjasama Sel Agama MTU.

Hadir sama Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato’ Sri Hj Affendi bin Buang TUDM; Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato’ Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta pegawai-pegawai kanan TUDM.



